

Tindakan tegas ke atas pegawai menyeleweng

— Dr. Mahathir

MM - 9 OCT 1983

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan, sama ada melalui pentadbiran atau undang-undang ke atas pegawai-pegawai di peringkat penguurusan yang melakukan penyelewengan.

Tidak kira sama ada badan yang diurus itu ialah badan berkanun, syarikat kerajaan atau syarikat-syarikat swasta, tidak ada suatu sifat yang lebih penting daripada amanah, tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, tanpa amanah maka akan berlakulah bermacam-macam penyelewengan.

"Mungkin mereka yang tidak beramanah ini berpendapat bahawa penyelewengan mereka tidak akan dikesan tetapi ingin saya tegaskan lambat laun kesalahan mereka akan tetap dididahkan," kata beliau ketika berucap merasmikan bangunan Ibu Pejabat FELDA berharga \$22 juta di sini pagi ini.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa mereka

beliau, bagi orang yang beramanah, penguurusan adalah tugas yang amat mudah.

Yang diperlukan ialah kerajinan kerana ilmu penguurusan boleh diserap dengan mudah di zaman ini. Juga melalui sifat kerajinan katanya, segala tugas yang dipertanggungjawabkan akan dilaksanakan dengan baik tanpa mengakibatkan kehilangan yang merugikan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada setiap anggota FELDA yang telah menjamin prestasi FELDA sebagai sebuah agensi yang berjaya sejak ditubuhkan 27 tahun lalu.

Sikap

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegur sego- longan peneroka yang menyemaikan sikap bergantung kepada FELDA dan sebaliknya menyalahkan lembaga itu dan kerajaan atas kelemahan diri mereka.

Tegasnya, sikap tersebut timbul akibat dari kejayaan-kejayaan perkhidmatan FELDA yang ditubuhkan untuk membela golongan

Menteri juga menegur sego- longan peneroka yang hanya mahu menjadi pengurus dan bukan pekerja di tanah mereka sendiri.

Katanya, golongan tersebut lebih suka mengupah orang lain untuk mengerjakan tanah-tanah yang sepatutnya mereka lakukan sendiri.

Perdana Menteri menisfatkan golongan tersebut sebagai "puteri lili" dan berkata masyarakat Melayu hari ini telah kehilangan semangat meneroka yang dipunyai oleh datuk nenek mereka dahulu.

Beliau menegaskan, "kita harus sedar bahawa beratus-ratus tahun dahulu datuk nenek kita telah meneroka kawasan-kawasan pedalaman dengan hanya alat-alat seperti kapak dan meninggalkan hasil kepada generasi ini yang hanya tahu mengutipnya sahaja."

Perdana Menteri menambah, "datuk nenek kita dahulu berjaya kerana iman dan semangat meneroka tanpa agensi-agensi dan sebagai kemudahan seperti yang terdapat sekarang."

yang tidak beramanah ini bukan sahaja merosakkan badan yang diserahkan kepada mereka untuk mengurus tetapi membawa nama buruk kepada kaum dan golongan mereka.

Katanya, kegiatan seumpama itu akan menyebabkan masyarakat menganggap golongan tersebut bukan sahaja sebagai satu kumpulan yang tidak boleh dipercayai tetapi juga akan membabitkan orang lain yang tidak berdosa merasa kesan penyclewengan yang dilakukan.

Sambil mensifatkan orang-orang berkenaan sebagai golongan yang mengkhianati bangsa dan negara, beliau mengingatkan mereka yang tidak memiliki sifat amanah dan rajin atau tidak berminat terhadapnya supaya jangan memasuki bidang pengurusan.

"Jika mereka cuba, pada suatu hari mereka akan menghadapi balasan kerana mereka tetap akan gagal," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Di sebaliknya, tambah

yang tidak mempunyai tanah.

Perdana Menteri berkata, para peneroka harus sedar bahawa kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu besar bagi penempatan mereka dengan kemudahan - kemudahan asas yang lengkap serta lain-lain kemudahan.

"Oleh itu," kata Datuk Sri Dr. Mahathir, "peraturan untuk membolehkan kerajaan mendapat semula pulangan kepada pelaburan ini haruslah dianggap sebagai satu yang termosti dan wajar."

Beliau menekankan, gejala menganggap kerajaan sebagai "badan kebajikan" di mana semua perkhidmatan dianggap percuma dan pinjaman tidak perlu dibayar balik akan merosakkan pemikiran rakyat dan melemahkan kerajaan.

Katanya, "mereka yang menerima bantuan harus sedar bahawa masih ramai orang lain yang memerlukan bantuan dan tidak harus menganggap mereka sahaja yang perlu kerajaan bantu."

Di samping itu Perdana